



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission



**PEMBERIAN  
PERKHIDMATAN SEJAGAT  
LAPORAN TAHUNAN** **2020**



### VISI

Mewujudkan suatu industri komunikasi dan multimedia yang berdaya saing, cekap dan kian mengawal selia sendiri yang menjana pertumbuhan bagi memenuhi keperluan ekonomi dan sosial negara.

### MISI

Kami komited untuk:


- Menggalakkan capaian kepada perkhidmatan-perkhidmatan komunikasi dan multimedia;
- Memastikan para pengguna menikmati pilihan dan tahap perkhidmatan yang memuaskan pada harga yang berpatutan;
- Menyediakan proses pengawalseliaan yang telus bagi menjana persaingan yang sihat dan adil dalam industri;
- Memastikan penggunaan optima bagi spektrum dan penomboran; dan
- Mengadakan perundingan dengan pengguna dan penyedia perkhidmatan secara lazim serta memudah usaha sama dalam industri.

# ISI KANDUNGAN



PDF interaktif ini membolehkan anda mengakses maklumat dengan mudah, mencari bahan tertentu atau boleh navigasi antara halaman, bahagian dan pautan.

- ☰ Isi Kandungan
- 🔗 Pautan 🔍 Carian
- ⏪ Halaman Sebelum
- ⏩ Halaman Seterus



#### SEKSYEN 1

##### PERUTUSAN PENGERUSI 🔗

- 2 Perutusan Pengerusi 🔗

#### SEKSYEN 2

##### GAMBARAN KESELURUHAN 🔗

- 4 Pencapaian Inisiatif-Inisiatif yang Sedang Dilaksanakan di bawah Program PPS 🔗
- 5 Inisiatif-Inisiatif PPS yang Telah Selesai 🔗

#### SEKSYEN 3

##### INISIATIF-INISIATIF PPS 🔗

- 6 Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) 🔗
- 7 Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 (NFCP 1) 🔗
- 8 Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 5 (NFCP 5) 🔗
- 10 Tapak-Tapak Projek Time 3 Lanjutan Fasa 1 (Bahagian 2) yang Dikomersialkan 🔗
- 12 Menara Telekomunikasi dan Stesen Pemancar yang Dinaik Taraf 🔗
- 13 Projek Jalur Lebar Talian Tetap (Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Bandar) 🔗
- 14 Jalur Lebar Luar Bandar 🔗
- 15 Jaringan Gentian Optik ke Menara 🔗
- 16 Pakej Peranti Pintar 🔗
- 17 Pusat Internet Komuniti 🔗
- 19 WiFi Komuniti

#### SEKSYEN 4

##### KUMPULAN WANG PPS 🔗

- 20 Kumpulan Wang PPS 🔗

#### SEKSYEN 5

##### PENYATA KEWANGAN 🔗

- 22 Penyata Kewangan 🔗



# PERUTUSAN Pengerusi



**DR. FADHLULLAH SUHAIMI ABDUL MALEK**

Pengerusi,  
Suruhanjaya Komunikasi  
dan Multimedia Malaysia



**Sebagai Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Suruhanjaya), saya berasa bangga untuk membentangkan laporan Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk tahun 2020, yang mana ianya merupakan laporan tahunan di bawah Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.**

Laporan ini akan membawakan kemajuan dan perkembangan prasarana kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian yang telah dibina di seluruh negara, dengan memanfaatkan dana yang disalurkan daripada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Kumpulan Wang PPS). Laporan ini juga akan memberikan maklumat kewangan untuk tahun 2020. Di bawah Peraturan PPS 2002, prasarana kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian yang dibina di bawah inisiatif PPS adalah bertujuan untuk kawasan yang kurang liputan perkhidmatan dan kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan, di dalam kawasan yang mempunyai jaringan perkhidmatan.

Sepanjang tahun 2020, kita telah menyaksikan pelbagai usaha telah dilakukan, dan cabaran-cabaran yang mengubah bagaimana kita berkomunikasi, berinteraksi dan belajar, disebabkan oleh dunia terkesan dengan pandemik COVID-19

yang membuka lembaran baharu dalam landskap industri komunikasi dan multimedia.

Pada bulan Januari 2020, Suruhanjaya telah memulakan pelaksanaan projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 (NFCP 1). Projek ini melibatkan pemasangan kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian untuk pemberian perkhidmatan selular awam (termasuk jalur lebar mudah alih), di 152 lokasi dalam 93 mukim. Ini merangkumi lapan negeri, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Terengganu dan Sabah. Pemberian perkhidmatan di dalam projek NFCP 1 ini akan menyediakan perkhidmatan 3G dan 4G dengan kelajuan purata 30Mbps, yang mana akan memastikan para penduduk di lokasi yang telah dikenalpasti menikmati kualiti perkhidmatan yang sama rata.

## INISIATIF-INISIATIF PPS

- 1 PELAN GENTIAN OPTIK DAN KESALINGHUBUNGAN NEGARA (NFCP)
- 2 PELAN GENTIAN OPTIK DAN KESALINGHUBUNGAN NEGARA 1 (NFCP 1)
- 3 PELAN GENTIAN OPTIK DAN KESALINGHUBUNGAN NEGARA 5 (NFCP 5)
- 4 TAPAK-TAPAK PROJEK TIME 3 LANJUTAN FASA 1 (BAHAGIAN 2) YANG TELAH DIKOMERSIALKAN
- 5 MENARA TELEKOMUNIKASI DAN STESEN PEMANCAR YANG DINAIK TARAF
- 6 PROJEK JALUR LEBAR TALIAN TETAP (JALUR LEBAR PINGGIR BANDAR DAN BANDAR)
- 7 JALUR LEBAR LUAR BANDAR
- 8 JARINGAN GENTIAN OPTIK KE MENARA
- 9 PAKEJ PERANTI PINTAR
- 10 PUSAT INTERNET KOMUNITI
- 11 WIFI KOMUNITI


Kita telah bermula dengan sangat baik, namun kita menyaksikan Malaysia dilanda wabak COVID-19 dalam suku pertama tahun lepas. Disebabkan pandemik ini, kita melihat peningkatan yang begitu ketara dalam permintaan data dan jaringan jalur lebar. Hal ini disebabkan oleh aktiviti sosio ekonomi dan bagaimana kita menjalani kehidupan dalam suasana 'normal baharu'. Terdapat peningkatan dalam penggunaan video dalam talian, pembelajaran atas talian dan pelbagai interaksi lain dalam sosial media dalam pada dunia menyesuaikan dan mendepani perubahan ini.

Untuk mengatasi cabaran tersebut, Suruhanjaya telah memulakan satu makmal bersama pemberi perkhidmatan utama dalam negara, yang telah diadakan dari bulan Julai sehingga Ogos 2020 untuk membuat perancangan infrastruktur yang menyeluruh serta dapat mengatasi isu berkaitan kelajuan dan liputan perkhidmatan secara komprehensif bagi membolehkan Malaysia terus kekal berkembang maju. Makmal tersebut telah merangka Jalinan Digital Negara (JENDELA), satu pelan infrastruktur digital yang sempurna yang boleh dibanggakan oleh semua.

Menyerusi pelan JENDELA ini, aspirasi nasional adalah untuk mencapai liputan LTE 96.9% di semua kawasan berpenduduk pada penghujung tahun 2022. Untuk jalur lebar talian tetap pula, sasaran yang ditetapkan adalah 83% premis di Malaysia dihubungkan dengan jalur lebar talian tetap pada penghujung tahun 2022.

Di bawah JENDELA Fasa 1 yang telah dimulakan melalui penerbitan pelawaan untuk mengemukakan draf rancangan pada 15 November 2020 dan disemak semula pada 15 Januari 2021 yang lalu, Suruhanjaya telah mengenalpasti sejumlah 1,661 lokasi di seluruh negara bagi pemberian perkhidmatan selular awam untuk 2G dan 4G. Projek ini dianggarkan bernilai RM4.6 bilion dan akan memberi impak yang besar kepada liputan dan kualiti perkhidmatan selular awam serta jalur lebar mudah alih di dalam negara. Para pengguna khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman akan menikmati kelajuan purata 35Mbps. Pelaburan ini dibiayai sepenuhnya melalui Kumpulan Wang PPS untuk lima tahun berikutnya, dan akan memastikan perkhidmatan yang sama rata. Buat julung kalinya, Suruhanjaya membuat keputusan untuk melaksanakan projek mega yang melibatkan sejumlah besar lokasi dalam satu masa yang sama.

Saya percaya laporan ini akan memberikan anda maklumat yang berguna, menarik dan bermanfaat dalam rangka kerja PPS. Kami berharap dapat melaksanakan suatu perjalanan yang berbeza melalui inisiatif JENDELA, yang mana kami yakin akan dapat mengurangkan serta menutup jurang digital di Malaysia.




# GAMBARAN KESELURUHAN

## PENCAPAIAN INISIATIF-INISIATIF YANG SEDANG DILAKSANAKAN DIBAWAH PROGRAM PPS



### MENARA TELEKOMUNIKASI

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2009</b>	<b>2,289</b> menara
Siap Dalam Tahun 2020	Siap Dalam Tahun 2019
<b>243</b> menara	<b>213</b> menara



### MENAIK TARAF STESEN PEMANCAR

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2014</b>	<b>6,149</b> stesen pemancar
Siap Dalam Tahun 2020	Siap Dalam Tahun 2019
<b>461</b> stesen pemancar	<b>793</b> stesen pemancar



### MENAIK TARAF PELANGGAN STREAMYX (NFCP5)

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan Pada Tahun 2020
<b>2020</b>	<b>22,398</b> pelanggan



### JALUR LEBAR TETAP (JALUR LEBAR PINGGIR BANDAR DAN BANDAR)

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2005</b>	<b>493,164</b> sambungan
Siap Dalam Tahun 2020	Siap Dalam Tahun 2019
<b>3,712</b> sambungan	<b>448</b> sambungan



### JARINGAN GENTIAN OPTIK KE MENARA

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2014</b>	<b>2,473.06</b> km
Siap Dalam Tahun 2020	Siap Dalam Tahun 2019
<b>66.46</b> km	<b>1,265</b> km



### PUSAT INTERNET KOMUNITI

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan Pada Tahun 2020	Jumlah Siap Dilaksanakan Pada Tahun 2019
<b>2007</b>	<b>873</b> pusat	<b>5</b> pusat



### WIFI KOMUNITI

Tahun Mula Dilaksanakan	Jumlah Siap Dilaksanakan Pada Tahun 2020
<b>2011</b>	<b>743</b> lokasi

## INISIATIF-INISIATIF PPS YANG TELAH SELESAI



### JALUR LEBAR LUAR BANDAR

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2005-2020</b>	<b>146,280</b> sambungan
Siap Dalam Tahun 2020	Siap Dalam Tahun 2019
<b>240</b> sambungan	<b>39,564</b> sambungan



### MINI PUSAT JALUR LEBAR KOMUNITI (PUSAT MAKLUMAT RAKYAT)

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2010-2015</b>	<b>120</b> pusat



### PAKEJ PERANTI PINTAR DENGAN INTERNET

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2014-2020</b>	<b>2,512,342</b> unit
Siap Dalam Tahun 2020	Siap Dalam Tahun 2019
<b>14,010</b> unit	<b>11,992</b> unit




### NETBOOK

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Diedarkan
<b>2010-2015</b>	<b>1,668,772</b> unit



### SISTEM KABEL DASAR LAUT KE PULAU-PULAU

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2017-2019</b>	<b>99</b> km



### PERPUSTAKAAN JALUR LEBAR KOMUNITI

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2007-2016</b>	<b>44</b> perpustakaan



### SISTEM KABEL DASAR LAUT KE SABAH DAN SARAWAK

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2015-2017</b>	<b>3,819</b> km



### TELEFON AWAM

Tempoh Pelaksanaan	Jumlah Siap Dilaksanakan
<b>2002-2018</b>	<b>1,252</b> unit



## Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP)

**Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (National Fiberisation and Connectivity Plan 'NFCP'), yang telah dirasmikan pada 19 September 2019, telah menjadi asas dalam merancang dan melaksanakan projek-projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) pada tahun 2020. NFCP menyasarkan untuk membawa Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi, dengan menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik bagi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Dengan akses kepada sambungan digital yang lebih baik, semua rakyat Malaysia mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan berkongsi kemakmuran negara.**


NFCP akan merencana perancangan dan pelaksanaan projek-projek PPS dengan lebih fokus, berkesan dan bermanfaat untuk membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti tinggi khususnya, yang mana akan meningkatkan taraf kehidupan dan menambahbaik produktiviti di seluruh Malaysia.

Suruhanjaya bertanggungjawab untuk mematuhi Seksyen 202 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan objektif-objektif berkaitan pemberian perkhidmatan sejagat di Malaysia sepertimana terkandung pada Peraturan 3, dan Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 (Peraturan PPS).



## Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 (NFCP 1)

NFCP 1 melibatkan pembinaan 152 menara dan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di 93 mukim. Ianya merangkumi lapan (8) negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Terengganu dan Sabah.



Penyebaran Menara mengikut Negeri

Tender projek ini telah dikeluarkan pada 31 Mei 2017 dan dikenali sebagai *Ubiquitous 1*, telah disemak semula oleh Suruhanjaya dengan perubahan kepada spesifikasi projek yang telah disesuaikan mengikut sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam pelan pembangunan NFCP. Di bawah NFCP 1, projek tersebut dibahagikan kepada dua (2) bahagian, iaitu Bahagian 1 dan 2.

Bahagian	2020	Pemegang Lesen yang Berjaya
<b>BAHAGIAN 1</b> <b>SKOP KERJA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk membekal, mendirikan dan memasang menara serta struktur berkaitan yang bertujuan untuk pemberian perkhidmatan selular awam.</li> </ul>	<b>23 JANUARI 2020</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Notis Pemberitahuan Penamaan (surat penganugerahan) dikeluarkan kepada pemegang lesen yang berjaya</li> </ul> <b>15 FEBRUARI 2020</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tarikh permulaan projek untuk DUSP Bahagian 1</li> </ul>	<b>PEMEGANG LESEN YANG BERJAYA</b> <b>EDOTCO MALAYSIA SDN BHD</b> <b>113 tapak @ 75%</b> <b>FGV PRODATA SYSTEMS SDN BHD</b> <b>39 tapak @ 25%</b>
<b>BAHAGIAN 2</b> <b>SKOP KERJA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan memberikan perkhidmatan serta peralatan perkhidmatan rangkaian. Ia juga bertanggungjawab untuk memberikan minimum perkhidmatan 3G dan 4G dengan kelajuan purata 30Mbps, melalui perkongsian Radio Access Network (RAN sharing).</li> </ul>	<b>FEBRUARI 2021</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sasaran projek siap (12 bulan – 146 tapak)</li> </ul> <b>FEBRUARI 2022</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sasaran projek siap (24 bulan – 6 tapak untuk penyambungan gentian optik)</li> </ul>	<b>PEMEGANG LESEN YANG BERJAYA</b> <b>MAXIS BROADBAND SDN BHD</b> <b>102 tapak @ 67%</b> <b>U MOBILE SDN BHD</b> <b>50 tapak @ 33%</b>

Pemegang lesen Bahagian 1 bertanggungjawab untuk membina menara dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh permulaan projek iaitu pada 15 Februari 2020. Pemegang lesen Bahagian 2 pula akan memasang peralatan radio komunikasi dan menyediakan perkhidmatan rangkaian untuk perkhidmatan selular awam dalam tempoh enam (6) bulan selepas penyerahan tapak yang telah siap daripada pemegang lesen Bahagian 1.

Untuk 6 tapak, pemegang lesen Bahagian 2 telah diberikan tempoh selama lapan belas (18) bulan untuk menyiapkan kerja yang berkaitan, kerana tapak tersebut terletak di kawasan pedalaman, dan kesukaran untuk penyambungan rangkaian gentian optik.

Senarai tapak tersebut adalah seperti ditunjukkan di bawah.

BIL.	NEGERI	KLUSTER	ID TAPAK	NAMA TAPAK
1.	Kedah	C02	FC1_019	Ladang Kim Seng, Batu 5
2.	Kelantan	C03	FC_024	Kg Meranto 2
3.	Pahang	C06	FC1_065	Pos Lemoi
4.	Pahang	C06	FC1_066	Kg Telimau
5.	Pahang	C07	FC1_072	Kg Pasir Durian
6.	Terengganu	C13	FC1_149	Kg Pak Sik

Senarai Tapak yang Diberikan Tempoh 18 Bulan



## Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 5 (NFCP 5)

Projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 5 atau NFCP 5 adalah bertujuan untuk menaik taraf pengguna jalur lebar Streamyx (tembaga) Telekom Malaysia Berhad (TM) yang sedia ada kepada akses rangkaian jalur lebar gentian optik di kawasan Sasaran Perkhidmatan Sejagat (UST) di seluruh negara. Projek NFCP 5 telah dianugerahkan kepada TM sebagai penyumbang utama selaras dengan Peraturan 36A Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 (Peraturan PPS).

Perancangan TM untuk menaik taraf rangkaian jalur lebar tembaga yang sedia ada kepada rangkaian gentian optik untuk 377,360 pelanggan telah dinilai, dipertimbangkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya, di mana TM telah dilantik sebagai pemberi perkhidmatan sejagat di bawah Peraturan 36F Peraturan PPS 2002 untuk melaksanakan projek ini di kawasan yang kurang mendapat liputan seperti telah ditetapkan oleh Suruhanjaya di bawah empat notis pemberitahuan yang dikeluarkan iaitu pada tahun 2002, 2004, 2008 dan 2011 (No. Rujukan Notis Pemberitahuan: NT/USP/2/02, No. Rujukan Notis Pemberitahuan: NT/USP/1/04, No. Rujukan Notis Pemberitahuan: NT/USP/08/01, dan No. Rujukan Notis Pemberitahuan: NT/USP/01/11).


Sebagai syarat projek ini, TM juga diminta untuk menaik taraf 556,364 pelanggan *Streamyx* yang selebihnya kepada akses rangkaian jalur lebar gentian optik menggunakan dana mereka sendiri. Melalui inisiatif ini, sejumlah 933,724 pelanggan akan dinaik taraf dimana 377,360 pelanggan dinaik taraf melalui dana Kumpulan Wang PPS.

**Projek ini dijadualkan mengambil masa selama dua puluh empat (24) bulan untuk disiapkan dari tarikh permulaan projek itu, iaitu pada 15 Mac 2020.**

**Sehingga 31 Disember 2020, TM telah menaik taraf sejumlah 22,398 pelanggan, sementara itu terdapat insiden di mana 2,808 pelanggan telah membuat peralihan kepada perkhidmatan lain.**



## Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 5 (NFCP 5)





## Tapak-Tapak Projek Time 3 Lanjutan Fasa 1 (Bahagian 2) yang Dikomersialkan

2020 menyaksikan satu perkembangan baharu kerana empat puluh tujuh (47) tapak yang beroperasi dan diselenggara di bawah projek Time 3 Lanjutan Fasa 1 telah dikomersialkan. Pemberi perkhidmatan yang dinamakan, setelah membina rangkaian perkhidmatan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kumpulan Wang PPS, akan mengendalikan dan menyelenggara tapak-tapak tersebut secara komersial.



Ini merupakan pencapaian yang penting kerana ia membolehkan Suruhanjaya menggunakan Kumpulan Wang PPS untuk meneliti kawasan-kawasan lain yang kurang mendapat perkhidmatan dan memerlukan sokongan untuk rangkaian dan perkhidmatan untuk komunikasi. Suruhanjaya menjangkakan kesemua pemegang penguntukan spektrum radio di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000 untuk pemberian perkhidmatan selular awam di Malaysia akan terus berada di kesemua tapak tersebut, dan membantu aspirasi Kerajaan supaya rakyat dapat menikmati perkhidmatan selular awam.

**Kesemua pemegang spektrum radio mempunyai dasar sosial dan perkhidmatan yang melangkaui keuntungan semata-mata, dan dijangkakan akan menggunakan sumber negara yang terhad ini dengan bertanggungjawab.**


## Tapak-Tapak Projek Time 3 Lanjutan Fasa 1 (Bahagian 2) yang Dikomersialkan

BIL.	NAMA TAPAK
1.	Kg. Tok Randok
2.	Kg. Bukit Tadok
3.	Kg. Pela/Kg. Durian Kassim
4.	Kg. Gerdong
5.	Kg. Kuala Jeneris
6.	Kg. Ulu Sat
7.	Kg. Bukit Nenas/ Jalan K. Berang Sg. Tong
8.	Kg. Tanggol/LPT2
9.	Jln Jambu Bongkok - Rantau Abang
10.	Kg. Alor Tembesu/Gong Balai
11.	Kg. Jerong Seberang
12.	Kg. Kubu/Kg. Tanah Lot
13.	Kg. Undang
14.	Pulau Kapas
15.	Kg. Kluang
16.	Kg. Kuala Kubang
17.	La Hot Spring
18.	Jln Belara - Sg. Tong
19.	Kg. Permaisuri
20.	Kg. Saujana
21.	Pulau Bidong
22.	Pulau Lang Tengah



Senarai Tapak di bawah Kendalian OCK Setia Engineering Sdn Bhd yang Telah Dikomersialkan

BIL.	NAMA TAPAK
1.	Felda Titi Peringkat 3
2.	Glami Lemi (Pusat Perikanan)
3.	Kg. Rembang Panas
4.	Kg. Bintangan
5.	Simpang Tiga Kongkoi
6.	Kg. Bukit Kubot
7.	Kg. Chenor
8.	Felda Pasoh 2
9.	Kg. Parit Istana (Seri Menanti)
10.	Felda Palong 1
11.	Kg. Sungai Kelamah
12.	Kg. Ulu Rokan
13.	Felda Bukit Rokan Barat
14.	Kg. Bayai Baru
15.	Kg. Kepis Batu 12
16.	Kg. Dusun
17.	Kg. Kuala Johol
18.	Kg. Gemenchek Ulu
19.	Kg. Keru
20.	Kg. Miku
21.	Kg. Renggoh
22.	Kg. Merual
23.	Kg. Gunung Pasir
24.	Kg. Tengkek
25.	Kg. Sungai Dua Besar



Senarai Tapak di bawah Kendalian FGV Prodata Systems Sdn Bhd yang Telah Dikomersialkan




## Menara Telekomunikasi dan Stesen Pemancar yang Dinaik Taraf

Pada tahun 2020, sebanyak 243 menara telekomunikasi telah dibina di seluruh negara untuk pelaksanaan perkhidmatan selular awam di bawah beberapa inisiatif yang dibiayai sepenuhnya oleh dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) berdasarkan kepada Peraturan 5 dan Peraturan 36A, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 yang di bawah seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Suruhanjaya).

Selain itu, sebanyak 461 stesen pemancar di menara telekomunikasi sedia ada telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G di seluruh negara melalui projek-projek yang diluluskan di bawah skim Penyumbang Utama yang diselia oleh Suruhanjaya berdasarkan Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.

Pelaksanaan menara telekomunikasi ini akan dapat mengatasi kekurangan kualiti dan liputan perkhidmatan selular awam terutamanya di kawasan pentempatan berselerak, pendalaman dan luar bandar. Inisiatif ini juga akan menggalakkan penggunaan peranti pintar dan juga aplikasi atas talian yang memerlukan jalur lebar yang berkapasiti dan berkelajuan tinggi.




Jumlah Menara Telekomunikasi yang Dibina dan Stesen Pemancar di Menara Telekomunikasi Sedia Ada yang Dinaik Taraf Pada Tahun 2020 Mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan

## Projek Jalur Lebar Talian Tetap (Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Bandar)

Sebanyak 4,160 sambungan di negeri Selangor dan Pulau Pinang telah dilaksanakan dimana sebanyak 3,712 sambungan telah siap pada tahun 2020.



Pecahan bilangan sambungan yang telah dilaksanakan mengikut negeri seperti berikut:



Pecahan Bilangan Sambungan Mengikut Negeri

Jumlah Sambungan Siap Mengikut Tahun




## Jalur Lebar Luar Bandar



Inisiatif Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) telah dianugerahkan pada 2014 dan dimulakan sejak tahun 2015 dengan objektif untuk meningkatkan kadar penembusan jalur lebar negara dengan menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi di kawasan Sasaran Perkhidmatan Sejagat (UST) khususnya di luar dan pinggir bandar di seluruh negara.

Inisiatif RBB ini dibiayai secara penuh melalui Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) kepada Penyedia Perkhidmatan Sejagat Dinamakan yang dipilih iaitu syarikat Telekom Malaysia Berhad (TM). Inisiatif ini melibatkan menaik taraf jaringan dan perkhidmatan jalur lebar talian tetap di tiga ratus dua belas (312) kawasan ibusawat terpilih yang melibatkan seratus sembilan belas (119) daerah dan dua ratus empat puluh tiga (243) mukim di seluruh negara.

Projek ini siap sepenuhnya pada Mac 2020. Sejumlah 146,280 sambungan RBB telah tersedia untuk langganan di seluruh negara. Jadual di bawah menunjukkan jumlah sambungan RBB mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan.



Rajah 1: Pecahan Pelaksanaan Sambungan RBB Berdasarkan Peratusan

<p><b>PERLIS</b></p> <p>Bil. Sambungan: 64</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 2</p>	<p><b>KEDAH</b></p> <p>Bil. Sambungan: 1,744</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 15</p>	<p><b>PULAU PINANG</b></p> <p>Bil. Sambungan: 32</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: *</p>	<p><b>PERAK</b></p> <p>Bil. Sambungan: 13,196</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 37</p>
<p><b>SELANGOR</b></p> <p>Bil. Sambungan: 22,511</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 37</p>	<p><b>NEGERI SEMBILAN</b></p> <p>Bil. Sambungan: 5,973</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 21</p>	<p><b>MELAKA</b></p> <p>Bil. Sambungan: 11,865</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 23</p>	<p><b>JOHOR</b></p> <p>Bil. Sambungan: 32,988</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 48</p>
<p><b>PAHANG</b></p> <p>Bil. Sambungan: 9,644</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 40</p>	<p><b>TERENGGANU</b></p> <p>Bil. Sambungan: 7,372</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 20</p>	<p><b>KELANTAN</b></p> <p>Bil. Sambungan: 4,040</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 12</p>	<p><b>SABAH</b></p> <p>Bil. Sambungan: 20,396</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 36</p>
<p><b>SARAWAK</b></p> <p>Bil. Sambungan: 10,317</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 16</p>	<p><b>WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR</b></p> <p>Bil. Sambungan: 4,288</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 3</p>	<p><b>WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</b></p> <p>Bil. Sambungan: 1,850</p> <p>Bil. Kawasan Ibusawat: 2</p>	<p>* Disambung melalui ibusawat Parit Buntar, Perak</p>

Jumlah Sambungan RBB Mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan

## Jaringan Gentian Optik ke Menara




Inisiatif ini telah dilaksanakan sejak tahun 2014 lagi dengan objektif menghubungkan menara komunikasi mudah alih dengan rangkaian teras gentian optik.

Melalui inisiatif ini perkhidmatan komunikasi mudah alih akan bertambah baik dari segi kualiti dan kelajuan internet terutamanya di kawasan luar bandar. Sejak 2014, gentian optik sepanjang 2,473.06 kilometer (km) telah dilaksanakan bagi penyambungan ke menara telekomunikasi dimana 66.46 km gentian optik telah dilaksanakan pada tahun 2020.

Rajah 1 dibawah menunjukkan pecahan jumlah jarak rangkaian teras gentian optik mengikut negeri manakala Rajah 2 menunjukkan pelaksanaan projek peluasan rangkaian gentian optik mengikut tahun.

<b>KEDAH</b>	889.951
<b>PERAK</b>	185.899
<b>SELANGOR</b>	47.25
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	394.37
<b>PAHANG</b>	494.125
<b>TERENGGANU</b>	177.285
<b>KELANTAN</b>	268.872
<b>JOHOR</b>	15.312
<b>Jumlah</b>	<b>2,473.064 km</b>

Rajah 1: Jarak Pelaksanaan Rangkaian Gentian Optik ke Menara Mengikut Negeri (km)



Rajah 2: Pelaksanaan Projek Peluasan Rangkaian Gentian Optik ke Menara Mengikut Tahun



## Pakej Peranti Pintar



Melalui inisiatif ini, peranti pintar terpilih telah ditawarkan kepada pengguna yang layak dengan harga yang lebih rendah daripada harga jualan yang disyorkan dan turut dilengkapi dengan pakej langganan internet selama satu tahun. Inisiatif ini disasarkan di kawasan luar bandar dan kepada golongan yang berpendapatan rendah dengan objektif untuk menggalakkan kumpulan sasar ini untuk menaik taraf penggunaan peranti mudah alih kepada peranti pintar supaya mereka dapat menggunakan internet dan aplikasi mudah alih dalam kehidupan seharian mereka.



Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 2,512,342 buah peranti pintar telah diagihkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,010 buah peranti pintar telah diaktifkan pada tahun 2020. Bilangan peranti pintar yang telah diaktifkan mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan serta Pemberi Perkhidmatan yang dilantik adalah seperti dalam jadual dibawah.

NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN	JUMLAH PENGAGIHAN (UNIT)
Perlis	58,762
Kedah	141,490
Pulau Pinang	121,003
Perak	190,168
Selangor	285,969
Negeri Sembilan	115,086
Melaka	88,305
Johor	216,457
Pahang	174,626
Terengganu	132,908
Kelantan	115,928
Sabah	361,705
Sarawak	311,054
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	121,696
Wilayah Persekutuan Labuan	77,024
Wilayah Persekutuan Putrajaya	161
<b>Jumlah</b>	<b>2,512,342</b>

Bilangan peranti pintar yang telah diagihkan mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan

### JUMLAH PERANTI PINTAR YANG TELAH DIAKTIFKAN MENGIKUT PEMBERI PERKHIDMATAN YANG DILANTIK

**CELCOM MOBILE SDN BHD**

351,142 unit

**CELCOM NETWORKS SDN BHD**

166,419 unit

**DIGI TELECOMMUNICATIONS SDN BHD**

978,806 unit

**TELEKOM MALAYSIA BERHAD**

53,548 unit

**U MOBILE SDN BHD**

22,274 unit

**MAXIS MOBILE SERVICES SDN BHD**

880,153 unit

**MAXIS BROADBAND SDN BHD**

60,000 unit


Jumlah

**2,512,342 unit**

## Pusat Internet Komuniti

Pusat Internet Komuniti (PIK) merupakan salah satu projek yang dilaksanakan di bawah inisiatif Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) yang telah diperkenalkan pada tahun 2007 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Suruhanjaya).

Pelaksanaan PIK difokuskan kepada kawasan yang kurang mendapat liputan jalur lebar seperti kawasan luar bandar dan pedalaman serta komuniti yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah, di kawasan bandar. Taburan kedudukan kawasan penempatan PIK di seluruh negara adalah seperti dinyatakan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Taburan Kawasan Penempatan Pusat Internet Komuniti di Seluruh Malaysia

Objektif utama PIK adalah untuk menyediakan capaian internet secara kolektif kepada masyarakat dan kawasan yang kurang mendapat liputan jalur lebar. Selain itu, PIK turut menawarkan pelbagai program pembangunan modal insan yang berkaitan dengan pembelajaran berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), keusahawanan, multimedia dan program kesedaran dan penglibatan komuniti sebagai usaha ke arah meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan memperkasakan modal insan dalam kalangan komuniti luar bandar, seterusnya pada masa yang sama merapatkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar.


Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 873 PIK sedang beroperasi sepenuhnya di seluruh negara. Taburan bilangan keseluruhan PIK mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan adalah seperti dinyatakan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Taburan 873 Pusat Internet Komuniti Mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan




## Pusat Internet Komuniti



Rajah 3: Jumlah Pelaksanaan Pusat Internet Komuniti Mengikut Tahun

Rajah 4 pula menerangkan pemberi perkhidmatan sejagat yang dinamakan untuk menyedia dan menguruskan operasi PIK di seluruh Malaysia.



Rajah 4: Pecahan Mengikut Pemberi Perkhidmatan Sejagat yang Dinamakan Untuk Menyedia dan Menguruskan Operasi Pusat Internet Komuniti di Seluruh Negara

## WiFi Komuniti

Inisiatif WiFi Komuniti yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat, menyediakan akses internet tanpa wayar secara percuma di lokasi-lokasi terpilih yang terletak dalam lingkungan 3 kilometer dari PIK, dengan menggunakan pendekatan *Hub & Spoke*. Liputan WiFi bagi setiap spoke adalah sehingga 250 meter dan kelajuan internet bagi setiap *hub dan spoke* adalah sehingga 4Mbps.

Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak 743 WiFi Komuniti telah dilaksanakan di seluruh negara. Taburan jumlah WiFi Komuniti yang telah siap dilaksanakan mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan adalah seperti di Jadual 1.



### JUMLAH WIFI KOMUNITI

KEDAH	58
PERAK	15
SELANGOR	39
NEGERI SEMBILAN	28
MELAKA	26
JOHOR	44
PAHANG	77
TERENGGANU	54
KELANTAN	87
SABAH	172
SARAWAK	119
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	6
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	12
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	6

Jumlah  
**743** lokasi

Jadual 1: Taburan Jumlah Wifi Komuniti Mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan




# Kumpulan Wang PPS

**Pandemik COVID-19 yang bermula sebagai krisis kesihatan pada awal tahun 2020 dengan pantas telah berkembang menjadi krisis ekonomi global. Hal ini menyebabkan peningkatan penggunaan teknologi digital dalam kalangan masyarakat yang mula menyesuaikan diri dengan norma baharu, tertumpu kepada pendigitalan dan capaian Internet, terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Aktiviti pendigitalan yang meningkat ini telah membawa kepada permintaan baharu terhadap capaian sedia ada. Rangkaian tetap dan mudah alih yang membolehkan gaya hidup digital telah terbukti kritikal semasa krisis ini dan ianya diperlukan oleh semua orang, bukannya oleh segolongan masyarakat sahaja.**

Pada 29 Ogos 2020, pelan nasional, Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri dalam usaha memperkukuhkan tahap capaian, kualiti perkhidmatan komunikasi dan liputan terutama di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan.

Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Kumpulan Wang PPS) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, di bawah kendalian Suruhanjaya dan bertujuan untuk merapatkan jurang digital dengan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan komunikasi digital di kawasan yang kurang mendapat capaian telekomunikasi. Kumpulan Wang PPS menangani jurang digital melalui perluasan liputan 4G, peningkatan kualiti jalur lebar tetap dan mudah alih, sambil meletakkan asas untuk rangkaian 5G yang akan datang.

Sejajar dengan Peraturan PPS, adalah wajib bagi syarikat perkhidmatan telekomunikasi yang mencatat hasil bersih lebih daripada RM2 juta bagi tahun kewangan yang dinilai untuk menyumbang 6% daripada hasil bersih ditentukan kepada Kumpulan Wang PPS setiap tahun.



### PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, Kumpulan Wang PPS merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM1.83 bilion. Pendapatan ini terdiri daripada sumbangan pemegang lesen berjumlah RM1.52 bilion, pendapatan faedah sebanyak RM0.30 bilion dan pendapatan-pendapatan lain sebanyak RM0.01 bilion. Penurunan kecil dalam jumlah pendapatan (berbanding tahun 2019) adalah akibat daripada kejatuhan dalam pendapatan faedah berpunca daripada kadar faedah lebih rendah sejajar dengan pengurangan sebanyak 1.0% dalam Kadar Polisi Semalaman seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu memulihkan ekonomi negara.


### PERBELANJAAN

Perbelanjaan utama Kumpulan Wang PPS terdiri daripada tuntutan yang dikemukakan oleh Penyedia Perkhidmatan Sejagat Dinamakan (PPSD) yang berkaitan dengan kos projek-projek PPS, merangkumi kedua-dua modal dan perbelanjaan operasi. Sejumlah RM0.88 bilion telah diiktiraf sebagai perbelanjaan di bawah kategori ini berbanding RM1.72 bilion pada tahun 2019. Pengurangan sebanyak RM0.84 bilion atau 49% adalah disebabkan oleh pengurangan tuntutan yang dibuat oleh PPSD. PPSD merupakan pihak yang paling terkesan ekoran pelaksanaan PKP pada tahun 2020.

### LEBIHAN SELEPAS CUKAI, MEWAKILI JUMLAH KEUNTUNGAN DIKTIRAF

Kumpulan Wang PPS telah merekodkan lebihan selepas cukai yang mewakili jumlah keuntungan diiktiraf sebanyak RM0.68 bilion pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak RM0.58 bilion berbanding tahun 2019. Ini disebabkan oleh pengurangan dalam tuntutan yang dibuat oleh PPSD pada tahun 2020.

# Kumpulan Wang PPS



### ASET

Bagi tahun 2020, terdapat peningkatan kecil dalam jumlah aset iaitu RM10.69 bilion berbanding RM10.64 bilion pada tahun sebelumnya. Komponen utama jumlah aset adalah Lain-lain Pelaburan berjumlah RM9.43 bilion, Sumbangan dan Lain-lain Penghutang sebanyak RM0.79 bilion serta Tunai dan Setara tunai sebanyak RM0.47 bilion. Suruhanjaya mengekalkan prosedur kutipan yang mantap untuk meminimumkan risiko kredit. Tindakan tersebut telah menyebabkan pengurangan yang ketara dalam Sumbangan dan Lain-lain Penghutang sebanyak RM0.85 bilion atau 52% daripada RM1.64 bilion kepada RM0.79 bilion pada akhir tahun 2020.

### LIABILITI

Jumlah liabiliti sebanyak RM0.61 bilion adalah terutamanya untuk Tuntutan Projek PPS perlu dibayar. Jumlah ini telah berkurangan dengan signifikan sebanyak RM0.71 bilion atau 59% daripada RM1.20 bilion pada tahun 2019 kepada RM0.49 bilion pada akhir tahun 2020. Ini adalah hasil daripada pelaksanaan peningkatan sistem dan penambahbaikan proses pada tahun 2020 yang membolehkan tuntutan projek PPS dapat dibayar dengan lancar.

### DANA TERKUMPUL

Dana Terkumpul pada akhir tahun 2020 adalah sebanyak RM10.09 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM0.69 bilion atau 7% berbanding tahun 2019 disebabkan lebihan selepas cukai sebanyak RM0.68 bilion. Keperluan dana projek PPS akan terus dipantau untuk memastikan ketersediaan dana yang mencukupi untuk pelaksanaan projek yang sedang berjalan dan inisiatif projek di masa depan di bawah pelan JENDELA. Komitmen sebanyak RM9.05 bilion telah dibuat pada tahun 2020, yang mana RM4.42 bilion adalah untuk projek yang sedang berjalan, manakala bakinya sebanyak RM4.63 bilion adalah untuk projek JENDELA Fasa 1.



**JENDELA adalah pelan infrastruktur digital yang komprehensif ke arah penyambungan digital yang lebih luas untuk Malaysia.**

Pelaksanaan projek-projek di bawah JENDELA secara berfasa meliputi tempoh bermula dari tahun 2020 hingga tahun 2025. Sebanyak RM7.40 bilion yang akan dibiayai melalui Kumpulan Wang PPS telah diperuntukkan untuk JENDELA Fasa 1. Ini merangkumi 1,661 lokasi baharu bagi peningkatan liputan 4G di seluruh negara dengan anggaran komitmen sebanyak RM4.63 bilion dilakukan pada tahun 2020, sekaligus membuka jalan untuk pelaksanaan 5G seperti yang disasarkan pada suku ke-4 2021.



## Penyata oleh Anggota-anggota Suruhanjaya

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Kami, Dr. Fadhlullah Suhaimi bin Abdul Malek dan Chew Liong Kim, merupakan dua Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota-anggota Suruhanjaya, penyata kewangan dikemukakan pada muka surat 28 hingga 55 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang pada 31 Disember 2020 dan pendapatan dan perbelanjaan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu.

Ditandatangani mengikut resolusi oleh Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia:

t.t

**Dr. Fadhlullah Suhaimi bin Abdul Malek**

t.t

**Chew Liong Kim**

Cyberjaya, Selangor  
01 April 2021

## Perakuan Berkanun

Saya, Nor Fadhilah Mohd Ali, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 28 hingga 55 adalah, setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, benar dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya, dan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui oleh yang tersebut di atas di Putrajaya, Wilayah Persekutuan pada 07 April 2021.

t.t

**Nor Fadhilah Mohd Ali**

Di hadapan saya:

Pesuruhjaya Sumpah Malaysia  
No. PJS: W720  
Mohd Aimi Zaini bin Mohd Azhar  
07 April 2021



# Laporan Juruaudit Bebas

kepada Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## Laporan mengenai audit penyata kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat ("Kumpulan Wang"), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 Kumpulan Wang, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian diiktiraf dan penyata aliran tunai Kumpulan Wang bagi tahun berakhir ketika itu, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi-polisi perakaunan penting, sebagaimana dikemukakan pada muka surat 28 hingga 55.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang pada 31 Disember 2020, dan mengenai prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir ketika itu mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

### Asas-asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diterangkan selanjutnya di bahagian tanggungjawab Juruaudit ke atas audit penyata kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

### Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami adalah bebas daripada Kumpulan Wang mengikut Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain kami mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

### Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya") adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada laporan tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan Wang dan laporan juruaudit. Kami menjangkakan laporan tahunan akan disediakan kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit.

# Laporan Juruaudit Bebas

kepada Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit (samb.)

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan Wang tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya.

Berhubung dengan audit kami akan penyata kewangan Kumpulan Wang, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, menimbang sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan Wang atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya kelihatan disalah nyata secara material.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami memutuskan bahawa terdapat salah nyataan material di dalamnya, kami dikehendaki untuk menyampaikan perkara tersebut kepada Anggota-anggota Suruhanjaya dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

### Tanggungjawab Suruhanjaya bagi penyata kewangan

Anggota-anggota Suruhanjaya bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Anggota-anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana ditentukan Anggota-anggota Suruhanjaya sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang yang bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan Wang, Anggota-anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang untuk terus beroperasi secara berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan Suruhanjaya sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan Wang atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali untuk berbuat demikian.



# Laporan Juruaudit Bebas

kepada Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang meliputi pendapat kami. Jaminan munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu pengesahan bahawa audit yang dilaksanakan menurut piawaian mengenai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian mengenai Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyataan material apabila ia wujud. Salah nyataan boleh berlaku disebabkan penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau beragregat, dapat dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna diambil berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skiptisme profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyataan material penyata kewangan Kumpulan Wang, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyataan material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyataan akibat daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, salah nyataan, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkenaan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan jangkaan perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota-anggota Suruhanjaya.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan Suruhanjaya, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan Wang untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami diperlukan untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan Wang terhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.

# Laporan Juruaudit Bebas

kepada Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan (samb.)

- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan Wang, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang mewakili urusan niaga dan peristiwa dalam cara yang memberi gambaran yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Suruhanjaya berhubung dengan, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan audit yang ketara, termasuk apa-apa kekurangan ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

## Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat hanya kepada Suruhanjaya, sebagai sebuah badan, selaras dengan Peraturan 36(2) Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak bagi kandungan laporan ini.

t.t

**Ernst & Young PLT**  
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
1 April 2021

t.t

**Ong Chee Wai**  
No. 02857/07/2022 J  
Akauntan Bertauliah



## Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2020

	Nota	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>Aset</b>			
<b>Aset bukan semasa</b>			
Aset cukai tertunda	3	3,540	3,489
<b>Aset semasa</b>			
Lain-lain pelaburan	4	9,433,971	8,459,677
Sumbangan dan lain-lain penghutang	5	784,360	1,639,128
Tunai dan setara tunai	6	471,257	533,441
		<b>10,689,588</b>	10,632,246
<b>Jumlah aset</b>		<b>10,693,128</b>	10,635,735
<b>Liabiliti semasa</b>			
Lain-lain pemiutang	7	488,124	1,195,857
Cukai perlu dibayar		117,527	35,226
		<b>605,651</b>	1,231,083
<b>Diwakili oleh:</b>			
Dana terkumpul	8	10,087,477	9,404,652
<b>Jumlah liabiliti dan dana terkumpul</b>		<b>10,693,128</b>	10,635,735

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

## Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Keuntungan dan Kerugian Diiktiraf

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	Nota	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>Pendapatan</b>			
Sumbangan	10	1,520,256	1,532,042
Pendapatan faedah		298,255	333,905
Lain-lain pendapatan		9,113	178
Penarikbalikan peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka	5	329	7,538
		<b>1,827,953</b>	1,873,663
<b>Perbelanjaan</b>			
Tuntutan oleh pemberi perkhidmatan PPS	11	(877,409)	(1,721,717)
Tuntutan oleh pemberi perkhidmatan yang dijangka	5	(510)	(4,232)
Lain-lain perbelanjaan		(2)	(3)
		<b>(877,921)</b>	(1,725,952)
<b>Lebih sebelum cukai</b>		<b>950,032</b>	147,711
Perbelanjaan cukai	12	(267,207)	(40,353)
<b>Lebih selepas cukai, mewakili jumlah keuntungan diiktiraf</b>		<b>682,825</b>	107,358

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

## Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	2020	2019
Nota	RM'000	RM'000
<b>Aliran tunai daripada kegiatan kendalian</b>		
Lebihan sebelum cukai	<b>950,032</b>	147,711
Pelarasan bagi:		
Penarikbalikan peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka	<b>(329)</b>	(7,538)
Peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka	<b>510</b>	4,232
Pendapatan faedah	<b>(298,255)</b>	(333,905)
<b>Lebihan/(defisit) kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<b>651,958</b>	(189,500)
Perubahan dalam modal kerja:		
Sumbangan dan lain-lain penghutang	<b>854,587</b>	369,771
Lain-lain pemiutang	<b>(707,733)</b>	534,273
Tunai dihasilkan daripada operasi	<b>798,812</b>	714,544
Cukai (dibayar)/diperoleh semula	<b>(184,957)</b>	26,695
<b>Tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan kendalian</b>	<b>613,855</b>	741,239
<b>Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan</b>		
Faedah diterima	<b>324,063</b>	317,802
Penempatan dalam lain-lain pelaburan	<b>(1,000,102)</b>	(647,349)
<b>Tunai bersih diguna dalam kegiatan pelaburan</b>	<b>(676,039)</b>	(329,547)
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai	<b>(62,184)</b>	411,692
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	<b>533,441</b>	121,749
<b>Tunai dan setara tunai pada 31 Disember</b>	<b>471,257</b>	533,441

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat ("Kumpulan Wang") adalah untuk menggalakkan ketersediaan dan penggunaan perkhidmatan rangkaian secara meluas dan/atau perkhidmatan aplikasi di seluruh Malaysia dengan menggalakkan pemasangan kemudahan rangkaian dan penyediaan bagi perkhidmatan rangkaian dan/atau perkhidmatan aplikasi di kawasan yang terkurang diberi liputan perkhidmatan atau bagi kumpulan yang terkurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat.

Kumpulan Wang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan dikawal atur oleh Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 ("Peraturan PPS"). Kumpulan Wang memulakan operasinya pada September 2002. Kumpulan Wang diuruskan Anggota-anggota Suruhanjaya dan kakitangan pengurusan penting Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya") selaras dengan peraturan-peraturan tersebut di atas.

Alamat tempat perniagaan utama adalah seperti berikut:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya pada 1 April 2021.

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING

#### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan Wang telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"). Penyata kewangan juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa sebagaimana dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan sebagaimana dinyatakan dalam polisi-polisi perakaunan di bawah. Penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan kepada jumlah ribu ("RM'000") terdekat kecuali apabila dinyatakan sebaliknya.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan

Pada 1 Januari 2020, Kumpulan Wang menerima pakai MFRS baru dan dipinda mandatori berikut bagi tempoh-tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang dinyatakan di bawah:

Penerangan	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 7, MFRS 9 dan MFRS 139 Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah	1 Januari 2020
Pindaan kepada MFRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan – Definisi Material	1 Januari 2020
Pindaan kepada MFRS 108: Polisi-polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Definisi Material	1 Januari 2020
Rangka Kerja Konseptual Disemak bagi Pelaporan Kewangan (Rangka Kerja Konseptual)	1 Januari 2020

Penerimaan pakai piawaian di atas tidak mempunyai kesan material ke atas penyata kewangan dalam tempoh pemakaian awal.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Piawaian dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa

Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran penyata kewangan Kumpulan Wang adalah dinyatakan di bawah. Kumpulan Wang berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, sekiranya berkenaan, apabila ia menjadi berkuat kuasa.

Penerangan	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah – Fasa 2 (Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139 dan MFRS 7)	1 Januari 2021
Pindaan kepada Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020	1 Januari 2022
MFRS 9 Instrumen Kewangan – Fi dalam ujian '10 peratus' bagi penyahiktirafan liabiliti kewangan	1 Januari 2022
Hartanah, Loji dan Peralatan – Perolehan sebelum Penggunaan yang Dihasratkan (Pindaan kepada MFRS 116 Hartanah, Loji dan Peralatan)	1 Januari 2022
Kontrak Membebaskan – Kos Memenuhi Kontrak (Pindaan kepada MFRS 137 Peruntukan, Liabiliti Kontigen dan Aset Kontigen)	1 Januari 2022
Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa (Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan)	1 Januari 2023

Suruhanjaya menjangkakan bahawa penerimaan pakai piawaian di atas tidak akan memberi kesan material ke atas penyata kewangan dalam tempoh pemakaian awal.

#### 2.4 Cukai pendapatan

##### (a) Cukai pendapatan semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka dapat diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah cukai adalah yang digubal atau sebahagian besarnya digubal, pada tarikh pelaporan, di negara-negara dalam mana Kumpulan Wang beroperasi dan menghasilkan pendapatan boleh di cukai.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara-perkara diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.4 Cukai pendapatan (samb.)

##### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun dibawanya untuk tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda telah diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda terbit daripada pengiktirafan awal muhibah atau aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan
- berhubung dengan perbezaan sementara boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan kepentingan dalam entiti dikawal bersama, apabila pemasaan pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ianya berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa hadapan boleh diramal.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, penghantaran ke hadapan kredit cukai tidak diguna dan kerugian cukai tidak diguna sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan penghantaran ke hadapan kredit cukai tidak diguna dan kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan
- berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara akan berbalik pada masa hadapan boleh diramal dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh digunakan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.4 Cukai pendapatan (samb.)

##### (b) Cukai tertunda (samb.)

Amaun dibawa aset cukai tertunda dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga tahap yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf sehingga tahap yang ia menjadi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan membolehkan aset cukai tertunda untuk digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tahun apabila aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian. Perkara cukai tertunda diiktiraf dalam hubung kait dengan urus niaga mendasari sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda timbul daripada kombinasi perniagaan diselaraskan terhadap muhibah atas pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda adalah dihapus kira, sekiranya terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk menolak aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan pihak berkuasa cukai yang sama.

#### 2.5 Pengiktirafan pendapatan

##### (a) Sumbangan daripada pemegang lesen

Sumbangan diiktiraf atas asas akruan ke atas Pulangan Hasil Bersih ("RONR") tahunan pemegang lesen pada 6% ke atas hasil bersih ditentukan yang diperolehi bagi tahun kalender terdahulu. Pemegang lesen yang hasil bersihnya adalah di bawah RM2 juta bagi tahun kalendar sebelumnya tidak perlu menyumbang.

Sumbangan berpotensi daripada pemegang-pemegang lesen yang tidak mengemukakan RONR tahunan mereka diiktiraf berdasarkan RONR tahun sebelumnya. Sekiranya mana-mana daripada ini tidak boleh didapati, hasil tidak diiktiraf disebabkan ketidakpastian material berkaitan dengan jumlah sumbangan perlu dibayar oleh pemegang-pemegang lesen tersebut.

##### (b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.6 Tuntutan oleh penyedia perkhidmatan

Tuntutan diiktiraf sebagai liabiliti apabila Kumpulan Wang mempunyai obligasi akibat daripada peristiwa lepas dan ia berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran boleh dipercayai mengenai jumlah boleh dibuat.

Obligasi semasa timbul apabila set dokumentasi tuntutan lengkap diterima dan progres projek telah ditentusahkan oleh Suruhanjaya. Tuntutan telah dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran terbaik semasa.

#### 2.7 Aset kewangan

##### Pengiktirafan awal

Aset kewangan diklasifikasi, pada pengiktirafan awal, sebagai kemudiannya diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("OCI") atau nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung pada ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan dan model perniagaan Kumpulan Wang bagi pengurusannya. Dengan pengecualian penghutang sumbangan yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau untuk yang mana Kumpulan Wang telah mengguna suai manfaat praktikal, Kumpulan Wang pada awalnya mengukur aset kewangan pada nilai saksamanya campur, dalam hal aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung. Penghutang sumbangan yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau yang mana Kumpulan Wang telah mengguna suai manfaat praktikal diukur pada harga urus niaga yang ditentukan di bawah MFRS 15. Sila rujuk kepada polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.5(a).

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan melalui peraturan atau konvensyen dalam tempat pasaran (dagangan cara biasa) diiktiraf pada tarikh perdagangan, iaitu, tarikh bila mana Kumpulan Wang membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Untuk aset kewangan diklasifikasi dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama melalui OCI, ia perlu membawa kepada aliran tunai yang 'semata-mata merupakan bayaran jumlah pokok dan faedah ("SPPI")' ke atas jumlah pokok yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilakukan pada peringkat instrumen.

Model perniagaan Kumpulan Wang untuk menguruskan aset kewangan merujuk kepada bagaimana ia menguruskan aset kewangannya untuk menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai akan mengakibatkan daripada pengumpulan aliran tunai kontraktual, menjual aset kewangan atau kedua-duanya.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Aset kewangan (samb.)

##### Pengukuran berikutnya

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan diklasifikasi dalam empat kategori:

- (i) Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang);
- (ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui OCI dengan kitaran semula keuntungan dan kerugian terkumpul (instrumen hutang);
- (iii) Aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui OCI dengan kitaran semula keuntungan dan kerugian terkumpul atas penyahiktirafan (instrumen hutang); atau
- (iv) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Kumpulan Wang mengkategorikan aset kewangannya berdasarkan yang berikut:

##### (i) Aset kewangan pada kos dilunaskan

Kumpulan Wang mengukur aset kewangan pada kos dilunaskan sekiranya kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan
- (ii) Terma-terma kontraktual aset kewangan membawa pada tarikh dinyatakan kepada aliran tunai yang semata-mata merupakan bayaran pokok dan faedah ke atas jumlah pokok belum dijelaskan.

Aset kewangan pada kos dilunaskan kemudiannya diukur dengan menggunakan kaedah faedah berkesan ("EIR") dan tertakluk kepada kerosotan nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila aset tidak lagi diiktiraf, diubah suai atau dirosot nilai.

Sumbangan dan penghutang perdagangan Kumpulan Wang dikategorikan sebagai aset kewangan pada kos dilunaskan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Aset kewangan (samb.)

##### Pengukuran berikutnya (samb.)

##### (ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian termasuk aset kewangan dipegang untuk perdagangan aset, kewangan ditetapkan atas pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, atau aset kewangan diperlukan secara mandatori untuk diukur pada nilai saksama. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk perdagangan sekiranya ia dibeli untuk tujuan penjualan dan pembelian semula dalam tempoh terdekat. Aset kewangan dengan aliran tunai yang bukan semata-mata bayaran jumlah pokok dan faedah diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, tanpa mengambil kira model perniagaan. Tanpa mengambil kira kriteria bagi instrumen hutang untuk diklasifikasikan pada kos dilunaskan atau pada nilai saksama melalui OCI, sebagaimana diterangkan di atas, instrumen hutang mungkin ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atas pengiktirafan awal sekiranya dengan berbuat demikian menghapuskan, atau dengan ketara mengurangkan, salah padanan perakaunan.

Lain-lain Pelaburan Kumpulan Wang dikategorikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

##### Penyahiktirafan

Aset kewangan (atau, di mana berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada kumpulan aset kewangan yang serupa) terutamanya dinyahiktiraf (iaitu dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan Kumpulan Wang) apabila:

- (i) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput; atau
- (ii) Kumpulan Wang telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah mengambil alih obligasi untuk membayar aliran tunai diterima sepenuhnya tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga di bawah pengaturan 'beralih kepada' dan sama ada (a) Kumpulan Wang telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran aset, atau (b) Kumpulan Wang tidak memindahkan tidak juga mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Aset kewangan (contd.)

##### Penyahiktirafan (samb.)

Apabila Kumpulan Wang telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memasuki pengaturan beralih, ia menilai sekiranya, dan setakat mana, ia telah mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan. Apabila ia tidak memindahkan tidak juga mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran aset, tidak juga memindahkan kawalan aset, Kumpulan Wang berterusan mengiktiraf aset yang dipindahkan sehingga tahap penglibatan berterusannya. Dalam kes tersebut, Kumpulan Wang juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitannya. Aset yang dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan diukur atas dasar yang menggambarkan hak dan obligasi yang Kumpulan Wang telah kekalkan.

#### 2.8 Liabiliti kewangan

##### Pengiktirafan awal

Liabiliti kewangan diklasifikasikan selaras dengan kandungan pengaturan kontraktual yang ditandatangani dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan Wang menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen kewangan. Liabiliti kewangan Kumpulan Wang kemudiannya diukur pada kos dilunaskan. Kumpulan Wang tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

##### Pengukuran berikutnya

Lain-lain pemiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama campur kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan mengguna kaedah kadar faedah berkesan.

##### Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama di atas terma-terma sebahagian besarnya berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### 2.9 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank dan diukur sebagai aset kewangan pada kos dilunaskan selaras dengan polisi Nota 2.7.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.10 Kerosotan nilai aset kewangan

Kumpulan Wang mengiktiraf peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka ("ECL") bagi semua instrumen hutang yang tidak dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. ECL adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai kontraktual selaras dengan kontrak dan semua aliran tunai yang Kumpulan Wang jangka akan terima.

ECL diiktiraf dalam dua peringkat. Bagi pendedahan kredit untuk yang mana tidak terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal, ECL disediakan bagi kerugian kredit akibat daripada peristiwa mungkir yang mungkin dalam tempoh 12 bulan akan datang (ECL 12 bulan). Bagi pendedahan kredit yang mana terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal, peruntukan kerugian diperlukan bagi kerugian kredit yang dijangka ke atas baki sepanjang hayat pendedahan, tanpa mengira pemasaan pemungkiran (sepanjang hayat ECL).

Bagi penghutang sumbangan, Kumpulan Wang mengguna pendekatan dipermudahkan dalam mengira ECL. Oleh itu, Kumpulan Wang tidak menjejaki perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf peruntukan kerugian berdasarkan ECL sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Kumpulan Wang telah mewujudkan matriks peruntukan yang berdasarkan pengalaman sejarah kerugian kredit, diselaraskan bagi faktor yang memandang ke hadapan khusus kepada penghutang dan persekitaran ekonomi.

Aset kewangan dihapus kira apabila tidak ada jangkaan yang munasabah untuk memulihkan aliran tunai kontraktual.

#### 2.11 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang mungkin akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindah liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling memberi kelebihan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menghasilkan manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjual kepada peserta pasaran yang lain yang mungkin menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.11 Pengukuran nilai saksama (samb.)

Apabila mengukur nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Suruhanjaya mengguna data pasaran boleh diperhatikan setakat yang mungkin. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga disebut (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses Kumpulan Wang pada tarikh pengukuran.

Tahap 2: Input-input selain daripada harga disebut yang telah dimasukkan dalam Tahap 1 dan yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: Input-input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan Wang mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau apabila terdapat perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

#### 2.12 Klasifikasi semasa dan bukan semasa

Kumpulan Wang membentangkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa dan bukan semasa.

Aset diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia:

- dijangka akan direalisasikan atau dihasratkan untuk dijual atau digunakan dalam kitaran kendalian biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- dijangka akan direalisasi dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- tunai atau setara tunai melainkan disekat daripada ditukar atau diguna untuk menyelesaikan liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua aset lain diklasifikasi sebagai bukan semasa.

Liabiliti diklasifikasikan sebagai semasa apabila:

- ia dijangka akan diselesaikan dalam kitaran kendalian biasa;
- ia dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- ia kena diselesaikan dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- tidak ada hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua liabiliti lain diklasifikasi sebagai bukan semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan masing-masing sebagai aset dan liabiliti bukan semasa.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang memerlukan Suruhanjaya untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh mengakibatkan hasil yang mungkin memerlukan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

##### (a) Pertimbangan kritikal dibuat dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan

Tidak ada pertimbangan kritikal yang dibuat dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan Kumpulan Wang yang mungkin mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

##### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama mengenai masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

###### (i) Cukai pendapatan

Anggaran ketara diperlukan dalam menentukan peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat urusan niaga dan pengiraan tertentu yang mana penentuan cukai akhir adalah tidak pasti semasa perjalanan biasa perniagaan. Kumpulan Wang mengiktiraf liabiliti bagi isu cukai yang dijangka berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan menjadi kena dibayar. Di mana keputusan cukai akhir perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting (samb.)

##### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran (samb.)

###### (ii) Cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh di cukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan pemasaan yang mungkin dan tahap keuntungan boleh dicukai masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Butir-butir lanjut terkandung dalam Nota 3.

###### (iii) Peruntukan bagi ECL bagi penghutang sumbangan

Kumpulan Wang menggunakan matriks peruntukan untuk mengira ECL bagi penghutang sumbangan. Kadar peruntukan adalah berdasarkan pada hari-hari yang lampau tempoh bagi pengelompokan segmen pemegang lesen yang mempunyai corak kerugian yang serupa.

Matriks peruntukan pada permulaannya berdasarkan sejarah kadar pemungkiran yang diperhatikan Kumpulan Wang. Kumpulan Wang akan menentukur matriks untuk menyesuaikan pengalaman sejarah kerugian kredit dengan maklumat memandang ke hadapan. Sebagai contoh, sekiranya ramalan keadaan ekonomi dijangka merosot sepanjang tahun hadapan yang boleh membawa kepada peningkatan jumlah pemungkiran, sejarah kadar pemungkiran diselaraskan. Pada setiap tarikh pelaporan, sejarah kadar pemungkiran diperhatikan dikemas kini dan perubahan dalam anggaran memandang ke hadapan dianalisis.

Penilaian berhubung kait antara sejarah kadar pemungkiran diperhatikan, ramalan keadaan ekonomi dan ECL adalah anggaran yang ketara. Jumlah ECL adalah sensitif kepada perubahan dalam keadaan dan ramalan keadaan ekonomi. Pengalaman sejarah kehilangan kredit Kumpulan Wang dan ramalan keadaan ekonomi mungkin tidak mewakili kegagalan sebenar pelanggan pada masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun, Kumpulan Wang memutuskan bahawa ECL pelanggan tidak mempunyai kolerasi tinggi dengan ramalan faktor ekonomi.

Maklumat mengenai ECL ke atas penghutang sumbangan Kumpulan Wang dinyatakan dalam Nota 5.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting (samb.)

##### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran (samb.)

##### (iv) Penghutang belum dibilkan

Penghutang belum dibilkan terutamanya berkait dengan hak kepada balasan bagi sumbangan yang akan dibuat oleh pemegang lesen tetapi masih belum diberitahu pada tarikh pelaporan. Hak kepada balasan bagi sumbangan adalah berdasarkan Peraturan PPS, di mana Kumpulan Wang berhak untuk mengangalkan sumbangan bagi tahun kalendar tertentu berdasarkan maklumat yang tersedia dan keputusan Kumpulan Wang adalah muktamad sekiranya RONR dan dokumentasi berkaitan tidak dikemukakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sumbangan diiktiraf atas dasar akruan ke atas RONR tahunan pemegang lesen yang dinyatakan pada 6% atas wajaran hasil bersih tahun kalendar terdahulu. Oleh itu, jumlah penghutang belum dibilkan akan berdasarkan laporan RONR terkini yang diterima daripada pemegang lesen.

### 3. ASET CUKAI TERTUNDA

	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada permulaan tahun	3,489	7,420
Diiiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 12)	51	(3,931)
Pada akhir tahun	3,540	3,489

Aset cukai tertunda hanya terbit daripada perbezaan sementara daripada peruntukan bagi ECL penghutang sumbangan dan lain-lain penghutang.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 4. LAIN-LAIN PELABURAN

	2020 RM'000	2019 RM'000
Ini terdiri daripada deposit berjangka dengan:		
- bank-bank berlesen	9,433,971	8,459,677

Deposit jangka pendek dengan bank-bank berlesen dibuat dengan tempoh matang berkisar daripada 3 hingga 12 bulan (2019: 3 hingga 12 bulan). Deposit menanggung purata wajaran kadar faedah sebanyak 2.62% (2019: 3.86%).

### 5. SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

	2020 RM'000	2019 RM'000
Penghutang sumbangan		1,182,288
Tolak: peruntukan bagi ECL (Nota b)	(15,145)	(14,964)
	774,290	1,167,324
Penghutang belum dibil (Nota a)	10,070	471,804
Jumlah sumbangan dan lain-lain penghutang	784,360	1,639,128
Tambah: Tunai dan setara tunai (Nota 6)	471,257	533,441
Jumlah aset kewangan pada kos dilunaskan	1,255,617	2,172,569

#### (a) Penghutang belum dibil

Penghutang belum dibil adalah terutamanya berkait dengan hak kepada balasan bagi sumbangan yang akan dibuat tetapi masih belum dibil kepada pemegang lesen pada tarikh pelaporan.

#### (b) Peruntukan bagi ECL

	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	14,964	26,500
Tambahan dalam tahun	510	4,232
Penarikbalikan dalam tahun	(329)	(7,538)
Hapus kira dalam tahun	-	(8,230)
Pada 31 Disember	15,145	14,964

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 5. SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG (SAMB.)

#### (b) Peruntukan bagi ECL (samb.)

Analisis kerosotan nilai dilakukan pada setiap tarikh pelaporan mengguna matriks peruntukan untuk mengukur ECL. Kadar peruntukan adalah berdasarkan hari-hari yang lampau tempoh disebabkan pengelompokan segmen pemegang lesen yang mempunyai corak kerugian yang serupa. Pengiraan menunjukkan kebarangkalian hasil wajaran, nilai masa wang dan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang tersedia pada tarikh pelaporan mengenai peristiwa lepas, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan. Pada amnya, penghutang diperuntukkan sekiranya tidak dibayar lebih daripada satu tahun dan tidak tertakluk kepada kegiatan penguatkuasaan.

Dikemukakan di bawah adalah maklumat pendedahan risiko kredit ke atas penghutang Kumpulan Wang mengguna matriks peruntukan:

#### 31 Disember 2020

	Purata kadar ECL %	Amaun dibawa kasar RM'000	Peruntukan bagi ECL RM'000
1 hingga 30 hari	4%	24,922	885
31 hingga 60 hari	0.5%	174,292	822
61 hingga 90 hari	1%	213,105	1,359
91 hingga 120 hari	1%	348,272	2,030
121 hingga 365 hari	5%	19,705	910
Lebih daripada 365 hari	100%	9,139	9,139
		<b>789,435</b>	<b>15,145</b>

#### 31 Disember 2019

	Purata kadar ECL %	Amaun dibawa kasar RM'000	Peruntukan bagi ECL RM'000
1 hingga 30 hari	5%	21,814	1,168
31 hingga 60 hari	0%	344,283	-
61 hingga 90 hari	2%	125,409	2,573
91 hingga 120 hari	0.5%	261,146	1,268
121 hingga 365 hari	1%	422,673	2,992
Lebih daripada 365 hari	100%	6,963	6,963
		<b>1,182,288</b>	<b>14,964</b>

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 6. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2020 RM'000	2019 RM'000
Tunai di bank	4,166	451,765
Deposit dengan bank-bank berlesen	467,091	81,676
Jumlah tunai dan setara tunai	<b>471,257</b>	533,441

Deposit dengan bank-bank berlesen dibuat bagi tempoh matang antara satu hari dan 3 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan Wang dengan purata kadar faedah sebanyak 1.70% (2019: 3.12%).

Pada tarikh pelaporan, tunai Kumpulan Wang di baki bank diletakkan di bawah pengaturan menyeluruh dalam nama Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang.

Maklumat mengenai risiko kewangan tunai dan setara tunai adalah dinyatakan dalam Nota 14.

### 7. LAIN-LAIN PEMIUTANG

	2020 RM'000	2019 RM'000
Tuntutan PPS terakru	488,074	1,195,857
Pemiutang runcit	50	-
Jumlah lain-lain pemiutang, mewakili jumlah liabiliti kewangan pada kos dilunaskan	<b>488,124</b>	1,195,857

### 8. DANA TERKUMPUL

	2020 RM'000	2019 RM'000
Pada 1 Januari	9,404,652	9,297,294
Lebih selepas cukai	682,825	107,358
Pada 31 Disember	<b>10,087,477</b>	9,404,652

Bayaran dari Kumpulan Wang PPS ditadbir oleh Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002. Kumpulan Wang PPS hendaklah dibelanjakan bagi pendahuluan untuk projek PPS, tuntutan daripada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan dan pembayaran balik apa-apa sumbangan yang terlebih dibayar.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 9. FI AUDIT

Fi audit sebanyak RM80,000 (2019: RM80,000) ditanggung oleh Suruhanjaya.

### 10. SUMBANGAN

Sumbangan mewakili dana yang diterima daripada pemegang lesen yang dikehendaki untuk menyumbang kepada Kumpulan Dana sebagaimana ditetapkan dalam lesen yang diberikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tidak ada maklumat penyahagregatan yang akan dibentangkan disebabkan Kumpulan Wang hanya mempunyai satu sumber hasil. Sumbangan diiktiraf pada suatu ketika dalam masa.

Maklumat berkaitan dengan baki penghutang sumbangan yang terbit daripada kontrak pemegang lesen dinyatakan dalam Nota 5.

### 11. TUNTUTAN OLEH PENYEDIA PERKHIDMATAN

Ini berkait dengan kos projek-projek PPS, terdiri kedua-dua daripada modal dan perbelanjaan kendalian. Kos diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila Kumpulan Wang telah menentusahkan progres projek dan berpuas hati dengan kelengkapan dokumentasi tuntutan yang diterima daripada penyedia perkhidmatan PPS.

### 12. PERBELANJAAN CUKAI

	2020 RM'000	2019 RM'000
Perbelanjaan cukai pendapatan		
- Tahun semasa	263,374	35,226
- Terkurang peruntukan dalam tahun terdahulu	3,884	1,196
	<b>267,258</b>	36,422
Perbelanjaan cukai tertunda (Nota 3)		
- Pengasalan dan penarikbalikan perbezaan sementara	(51)	3,931
<b>Jumlah perbelanjaan cukai</b>	<b>267,207</b>	40,353

Pendapatan boleh dikenakan cukai Kumpulan Wang dicukai pada kadar berskala yang terpakai kepada individu. RM1 juta pertama dikenakan cukai pada kadar yang ditentukan oleh pihak berkuasa cukai bagi setiap tahun taksiran. Pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM1 juta dikenakan cukai pada kadar cukai berkanun sebanyak 28% (2019: 28%).

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 12. PERBELANJAAN CUKAI (SAMB.)

Penyelarasan perbelanjaan cukai pendapatan terpakai kepada lebih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan berkesan Kumpulan Wang adalah seperti berikut:

	2020 RM'000	2019 RM'000
Lebih sebelum cukai	950,032	147,711
Cukai ke atas RM1,000,000 pertama	239	239
Cukai selebihnya pada kadar cukai berkanun sebanyak 28%	265,728	41,079
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(2,644)	(2,161)
Terkurang peruntukan cukai pendapatan dalam tahun-tahun terdahulu	3,884	1,196
<b>Jumlah perbelanjaan cukai</b>	<b>267,207</b>	40,353

### 13. KOMITMEN

	2020 RM'000	2019 RM'000
Kos bagi pelaksanaan Pemberian Perkhidmatan Sejagat:		
Diluluskan tetapi tidak dianugerahkan	4,630,000	290,289
Dianugerahkan tetapi tidak diperuntukkan	4,416,982	3,385,142
	<b>9,046,982</b>	3,675,431

### 14. INSTRUMEN KEWANGAN

#### (a) Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Kumpulan Wang terdedah kepada risiko kewangan yang terbit daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko kewangan utama termasuk risiko kadar faedah (kedua-dua nilai saksama dan aliran tunai), risiko mudah tunai dan risiko kredit.

Suruhanjaya mengkaji dan menyetujui polisi dan prosedur bagi pengurusan risiko-risiko ini, yang telah dilaksanakan oleh Pengerusi. Jawatankuasa audit menyediakan pengawasan bebas terhadap keberkesanan proses pengurusan risiko.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 14. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

#### (b) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko yang nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Kumpulan Wang akan naik turun disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada deposit dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen.

Faedah ke atas instrumen kewangan tertakluk kepada kadar faedah terapung telah diletak harga semula secara kontrak pada selang masa kurang daripada 7 hari (2019: kurang daripada 7 hari). Lain-lain instrumen kewangan Kumpulan Wang yang tidak tertakluk kepada kadar faedah terapung tidak akan tertakluk kepada risiko kadar faedah.

#### (c) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang Kumpulan Wang tidak dapat memenuhi keperluan projeknya apabila tiba masanya. Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada pelbagai pemiutangnya.

Kumpulan Wang mengekalkan tahap wang tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memastikan, setakat yang mungkin, yang ia akan dapat memenuhi liabilitinya apabila tiba masanya.

Liabiliti Kumpulan Wang semuanya perlu dibayar dalam tempoh satu tahun selepas akhir tahun kewangan.

#### (d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Kumpulan Wang sekiranya penyedia perkhidmatan atau pihak satu lagi kepada instrumen kewangan gagal untuk memenuhi obligasi-obligasi kontraknya. Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kredit terbit terutamanya daripada penghutang sumbangan dan lain-lain penghutang dan deposit ditempatkan dengan bank-bank berlesen.

#### Sumbangan dan lain-lain penghutang

Pada tarikh pelaporan, pendedahan kredit maksimum ke atas penghutang adalah terhad kepada amaun dibawa penghutang tolak peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka.

Suruhanjaya telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan agar penghutang yang tidak melepasi tempoh kena dibayar tidak juga rosot nilai dinyatakan pada nilai boleh direalisasinya.

Butir-butir mengenai kerugian kredit yang dijangka berhubung dengan penghutang dinyatakan dalam Nota 5.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 14. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

#### (d) Risiko kredit (samb.)

#### Sumbangan dan lain-lain penghutang (samb.)

Tempoh kredit Kumpulan Wang dengan pemegang lesen adalah pada amnya bagi tempoh 30 hari (2019: 30 hari), kecuali bagi pemegang lesen yang berhasrat untuk menyumbangkan dalam dua ansuran, di mana tempoh kredit bagi ansuran kedua biasanya bagi tempoh 180 hari (2019: 180 hari). Kumpulan Wang berusaha untuk mengekalkan kawalan ketat ke atas sumbangan yang belum dijelaskan dan mempunyai prosedur untuk meminimumkan risiko kredit. Baki tertunggak dikaji secara teratur oleh pengurusan kanan. Sebarang sumbangan belum dijelaskan yang mempunyai baki lampau tempoh lebih daripada 365 hari, yang dianggap mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi, akan dipantau secara individu.

#### Deposit ditempatkan dengan bank-bank berlesen

*Objektif, polisi dan proses pengurusan risiko bagi menguruskan risiko*

Deposit dibenarkan untuk ditempatkan hanya dengan institusi-institusi kewangan berlesen.

*Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral*

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan Wang hanya menempatkan deposit dengan bank-bank berlesen domestik. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit timbul daripada deposit yang ditempatkan dengan bank-bank berlesen yang diwakili oleh amaun dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

#### (e) Nilai saksama instrumen kewangan

Amaun dibawa tunai dan setara tunai, sumbangan dan lain-lain penghutang dan lain-lain pemiutang secara munasabah menyamai nilai saksamanya disebabkan oleh kematangan yang agak jangka pendek instrumen-instrumen kewangan ini.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 15. PIHAK-PIHAK BERKAITAN

#### Identiti pihak-pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap sebagai berkaitan kepada Kumpulan Wang sekiranya Kumpulan Wang mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau secara bersama mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan kendalian, atau vice versa, atau di mana Kumpulan Wang dan pihak adalah tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau lain-lain entiti.

Pihak-pihak berkaitan juga termasuk personel pengurusan penting ditakrifkan sebagai orang-orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal kegiatan-kegiatan Kumpulan Wang sama ada secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan penting termasuk semua Anggota Suruhanjaya dan pengurusan kanan Suruhanjaya.

Kerajaan Malaysia ("GOM") termasuk entiti yang dikawal, dikawal secara bersama atau di bawah pengaruh penting oleh GOM dianggap sebagai pihak-pihak berkaitan Suruhanjaya. Semua urusan niaga yang diproses oleh Suruhanjaya bagi entiti yang berkaitan dengan GOM adalah dilaksanakan dalam perjalanan biasa perniagaan.

Tidak ada urusan niaga pihak berkaitan dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu selain daripada yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan.

### 16. URUS NIAGA DENGAN PERSONEL PENGURUSAN PENTING

Tidak ada urusan niaga dengan personel pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu. Imbuhan personel pengurusan penting dibayar oleh Suruhanjaya.

### 17. POLISI PENGURUSAN DANA

Objektif utama pengurusan dana Kumpulan Wang adalah untuk memastikan bahawa ia dapat memenuhi keperluan projeknya bila dan apabila tiba masanya dan untuk mencapai objektif operasinya.

Kumpulan Wang mengurus dana terkumpulnya dengan memperuntukkan dahulu perbelanjaan keperluannya dan menyelaraskan perbelanjaannya sebagaimana diperlukan. Kumpulan Wang terus memantau belanjawannya terhadap keputusan sebenar dan mengenal pasti kecekapan dalam operasinya.

Tiada perubahan telah dibuat dalam objektif, polisi atau proses dalam tahun-tahun berakhir 31 Disember 2020 dan 2019.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 18. PROSIDING UNDANG-UNDANG

#### (a) Naza Communications Sdn Bhd

Naza Communications Sdn Bhd ("Naza"), pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan ("PPSD") bagi Projek Time 3 Tambahan Fasa 2 (Bahagian 2) ("Projek T3EPH2") mengeluarkan surat bertarikh 19 April 2019 menuntut bayaran berjumlah sebanyak RM46,841,000, dituntut sebagai bayaran yang belum dijelaskan bagi operasi dan penyelenggaraan ("O&M") yang dijalankan bagi Projek T3EPH2.

Kos yang diluluskan bagi Projek T3EPH2 pada awalnya adalah sebanyak RM91,125,902.00 dan kemudiannya diubah pada 30 November 2017 kepada RM117,738,225.78 (jumlah tambahan sebanyak RM26,612,323.78 dituntut sebagai O&M yang tidak dimasukkan dalam kos diluluskan pada awalnya).

Naza juga tidak mematuhi rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan dan jabatan pengguna telah berusaha membatalkan pelantikan Naza sebagai PPSD sejak 2018.

Memerhatikan ketidakpatuhan di pihak Naza, Suruhanjaya telah membatalkan pelantikan Naza sebagai PPSD yang berkuat kuasa pada 19 Julai 2019.

Suruhanjaya telah mengeluarkan notis kepada Naza selaras dengan subperaturan 16(7A) Peraturan PPS untuk menghantar dan/atau memindahkan infrastruktur dan/atau pemasangan UST kepada Maxis di mana Naza diperlukan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dalam notis tersebut.

Selaras dengan pembatalan, Suruhanjaya telah memulai proses untuk mengeluarkan bon pelaksanaan ("PB") yang dikemukakan oleh Naza bagi Projek T3EPH2. Surat bertarikh 4 November 2019 kepada Bank of China (Malaysia) Berhad ("Bank of China") telah dikeluarkan untuk tujuan pengeluaran PB.

#### A. Permohonan injunksi

Selaras dengan permohonan ex-parte bertarikh 8 November 2019, Naza telah berusaha untuk mendapatkan Perintah Injunksi (inter parte) daripada Mahkamah Tinggi terhadap Suruhanjaya untuk menghalang Suruhanjaya daripada membuat sebarang pengeluaran ke atas PB dengan jumlah RM9,112,590.20 yang dikemukakan oleh Naza dalam bentuk jaminan bank yang tidak dapat ditarik balik bagi Projek T3EPH2.

Semasa perbicaraan inter-parte permohonan injunksi pada 11 Februari 2020, permohonan injunksi difailkan oleh Naza telah dibuang oleh Mahkamah Tinggi dengan kos RM5,000.00 perlu dibayar kepada Suruhanjaya.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 18. PROSIDING UNDANG-UNDANG (SAMB)

#### (a) Naza Communications Sdn Bhd (samb.)

##### A. Permohonan injuksi (samb.)

Peguamcara Kumpulan Wang telah mengeluarkan surat bertarikh 21 Februari 2020 kepada peguamcara Naza bagi bayaran kos yang diawardkan oleh Mahkamah Tinggi dalam jumlah sebanyak RM5,000.00 bersama dengan alokator dalam jumlah sebanyak RM200.00.

Berikutan pembuangan permohonan injuksi oleh Mahkamah Tinggi, Suruhanjaya telah mengeluarkan surat bertarikh 21 Februari 2020 kepada Bank of China untuk melepaskan bon pelaksanaan dalam jumlah sebanyak RM9,112,590.20 kepada Suruhanjaya. Jumlah tersebut telah dikreditkan kepada Kumpulan Wang PPS Suruhanjaya pada 25 Februari 2020.

##### B. Guaman sivil

Naza telah memfailkan guaman sivil terhadap Suruhanjaya melalui Writ Saman bertarikh 8 November 2019 dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 26 November 2019 ("Guaman").

Dalam Guaman, Naza menuntut bagi yang berikut:

- (i) Suruhanjaya hendaklah membayar kepada Naza jumlah sebanyak RM17,267,111.54 bagi kerja-kerja yang dilakukan dan disiapkan di bawah Projek T3EPH2;
- (ii) perisytiharan bahawa Pemberitahuan Kelulusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya bagi Projek T3EPH2 telah dihentikan secara salah dan tanpa sebab yang munasabah dan Suruhanjaya hendaklah membayar kehilangan keuntungan kepada Naza dalam jumlah sebanyak RM34,775,365.12;
- (iii) perisytiharan bahawa jaminan bank yang dikemukakan bagi Projek T3EPH2 bagi jumlah sebanyak RM9,112,590.20 tidak lagi berkuat kuasa; dan
- (iv) perintah injuksi yang menyekat Suruhanjaya untuk mengeluarkan jaminan bank bagi Projek T3EPH2 dalam jumlah sebanyak RM9,112,590.20 (Nota: permohonan injuksi telah dibuang oleh Mahkamah Tinggi pada 11 Februari 2020).

Sebagai balasan kepada pemfailan Guaman, Suruhanjaya telah memfailkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 11 Disember 2019 untuk menjawab pengataan dan tuntutan Naza.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

### 18. PROSIDING UNDANG-UNDANG (SAMB)

#### (b) Naza Communications Sdn Bhd (samb.)

##### B. Guaman sivil (samb.)

Di bawah tuntutan balas, Suruhanjaya telah menuntut relief berikut terhadap Naza:

- (i) perisytiharan bahawa pembatalan penamaan Naza sebagai PPSD melalui Notis Pembatalan Penamaan sebagai Pemberi Perkhidmatan Sejagat Dinamakan bagi Penyediaan dan Pelaksanaan Projek T3EPH2 bertarikh 5 Julai 2019 adalah mengikut undang-undang dan dikeluarkan secara sah;
- (ii) ganti rugi akan dinilai selaras dengan subperaturan 16(8) Peraturan PPS;
- (iii) ganti rugi jumlah tertentu dalam jumlah sebanyak RM11,773,822.50; dan
- (iv) ganti rugi am.

Naza telah menjawab kepada yang sama dengan memfailkan Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas pada 30 Disember 2019. Suruhanjaya kemudiannya memfailkan Jawapan kepada Pembelaan kepada Tuntutan Balas pada 13 Januari 2020. Mahkamah Tinggi telah menetapkan perbicaraan Guaman tersebut mulai 2, 3, 4, 9, 10 dan 11 November 2020.

Naza kemudiannya mencadangkan untuk mencari jalan penyelesaian secara damai berhubung dengan Guaman melalui surat bertarikh 16 April 2020.

Selepas pertimbangan sewajarnya, Suruhanjaya bersetuju agar kedua-dua pihak menarik balik tuntutan dan tuntutan balas mereka masing-masing, tanpa kebebasan untuk memfailkan semula dan tanpa perintah terhadap kos.

Pihak-pihak telah memfailkan Notis Pemberhentian bertarikh 6 November 2020 di Mahkamah Tinggi dan perkara tersebut sekarang telah ditutup kes.





**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission

# **PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT**